



PROGRAM PEMBELAJARAN E-LEARNING MKM

Hj. Ramlan Kamsin

Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi

Pengenalan

Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah menyambut ulang tahunnya yang ke-56 pada 13 November yang lalu. Sebagai institusi latihan koperasi yang satu-satunya ditubuhkan melalui Parlimen Malaysia, sewajarnya MKM perlu memainkan peranan yang lebih besar bagi memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran warga koperasi di negara ini. MKM berfungsi menyediakan latihan dan pendidikan kepada warga koperasi di peringkat sijil dan diploma, menjalankan penyelidikan berkaitan koperasi, menerbitkan bahan bacaan untuk warga koperasi serta menjalankan khidmat nasihat dan konsultasi kepada koperasi yang memerlukan. Pindaan Akta MKM yang baru telah memberi mandat kepada MKM untuk memainkan peranan yang lebih luas lagi.

Selain menyediakan program berbentuk jangka pendek dan jangka panjang dengan mod pembelajaran tradisional secara bersemuka, MKM telah bersedia untuk mengendalikan program latihan dengan mod pendidikan jarak jauh secara elektronik atau lebih dikenali sebagai e-PJJ. Program pendidikan jarak jauh secara elektronik atau e-PJJ pertama yang diperkenalkan oleh MKM ialah Program Diploma Profesional Pengauditan Koperasi yang dilancarkan pada 2011. Program

ini mengambil masa satu tahun setengah untuk menyediakan bakal juruaudit koperasi yang bertaualiah. Satu lagi program yang diperkenalkan pada 2012 ialah program Sijil Pengurusan Koperasi. Program selama dua tahun ini diperkenalkan untuk memantapkan kefahaman modal insan koperasi khususnya Anggota Lembaga dan warga kerja koperasi supaya dapat mengurus dan mentadbir koperasi dengan lebih yakin dan kompeten. Pada 2013 pula, MKM akan melancarkan dua lagi program e-PJJ iaitu Diploma Pengurusan Koperasi yang mengambil masa selama tiga tahun dan Diploma Pasca Siswazah Pengurusan Koperasi yang mengambil masa setahun.

Pada 2013, MKM akan menganjurkan empat buah program dengan mod pembelajaran sebagaimana berikut bagi pengambilan bulan September setiap tahun:

BIL	PROGRAM
1	Sijil Pengurusan Koperasi
2	Diploma Pengurusan Koperasi
3	Diploma Profesional Pengauditan Koperasi
4	Diploma Pasca Siswazah Pengurusan Koperasi

Sewajarnya, program yang diperkenalkan oleh MKM ini akan menjadikan warga koperasi teruja untuk menyediakan diri sebagai modal insan yang berkelayakan dan kompeten bagi melonjakkan pencapaian koperasi mereka selaras dengan hasrat Dasar Koperasi Negara. Program e-PJJ ini dibentuk untuk memberi peluang kepada warga koperasi meneruskan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi tanpa perlu meninggalkan pekerjaan masing-masing bagi membina laluan kerjaya yang lebih cerah di masa hadapan.

Latar Belakang

Sebagaimana yang tersirat dalam Dasar Koperasi Negara, MKM diberi peranan yang besar untuk menyediakan program latihan dan pendidikan kepada warga koperasi di Malaysia. Menurut SKM (2010), Dasar Koperasi Negara melalui teras ke III telah menetapkan sasaran supaya 80 peratus koperasi besar dan sederhana mempunyai pengurus koperasi berkelayakan dan berkebolehan yang bekerja sepenuh masa. Dasar Koperasi ini juga mengharapkan semua Anggota Lembaga Koperasi menghadiri kursus wajib dan 50 peratus anggota koperasi diberi kefahaman tentang koperasi. Koperasi juga perlu menyediakan latihan dan pendidikannya sendiri sebagaimana yang dinyatakan dalam prinsip koperasi ke-5 iaitu menyediakan latihan, pendidikan dan maklumat kepada anggota. Sehubungan itu, strategi ini telah diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang mewajarkan matlamat tersebut dicapai. Sebagai institusi latihan, MKM berusaha mempelbagaikan mod pembelajarannya agar semua pihak yang terlibat tidak akan ketinggalan dalam mendapatkan pengetahuan berkoperasi secara bersemuka atau secara e-PJJ.

MKM telah meningkatkan bilangan program latihannya iaitu lebih 500 kursus disediakan untuk dihadiri oleh warga koperasi dari peringkat anggota sehingga Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman. Pada 2012, MKM menjangkakan akan melatih 26 ribu peserta di kampus induk dan di semua kampus cawangannya di Johor Bahru, Johor (cawangan selatan), Alor Star, Kedah (cawangan utara), Bera, Pahang (cawangan timur), Kuching, Sarawak dan

Kota Kinabalu, Sabah. MKM berhasrat agar kampus cawangan ini berupaya menjadi hub pembelajaran *e-Learning* koperasi iaitu peserta akan hadir berseminar sebulan sekali dan mengambil peperiksaan ke kampus berdekatan pada akhir semester.

Berdasarkan penemuan Andrew at el. (2006), kajiannya menunjukkan pembelajaran *e-Learning* seperti banyak keburukannya berbanding kebaikan. Bagaimanapun generasi di luar sana khususnya generasi Y dan Z mendapati pembelajaran secara *e-Learning* lebih mudah dan fleksibel. Oleh itu generasi akan datang merasakan kaedah pembelajaran *e-Learning* semakin mudah dan menjadi satu keselesaan kepada mereka kerana mereka terdedah dengan penggunaan teknologi maklumat sejak di bangku sekolah lagi. Jika diberi peluang kepada bakal pelajar *e-Learning* ini, masa hadapan mod pembelajaran *e-Learning* adalah cerah dan lebih positif.

Kajian Andrew at el. (2006) juga menunjukkan penemuan Baldwin-Evans (2004) terhadap 200 kakitangan Syarikat Volvo di 14 negara membuktikan 93.5 peratus peserta seronok mengikuti pembelajaran *e-Learning* dan akan mengesyorkan pembelajaran *e-Learning* ini kepada rakan-rakan yang lain. Penemuan William at el. (2005) pula menunjukkan pencapaian pelajar *e-Learning* lebih menyerlah berbanding pelajar mod tradisional.

Pembelajaran *e-Learning* di Malaysia telah berusia lebih 10 tahun sejak tertubuhnya Universiti Terbuka Malaysia (OUM). OUM menawarkan program pendidikan jarak jauh dari 11 universiti di Malaysia. Menurut Anuwar (2012), OUM berpengalaman menjalankan program *online* sejak 11 tahun yang lalu di seluruh negara dan lebih sembilan negara dengan pelajar terkini lebih 34 ribu orang. Berdasarkan pengalaman luas OUM mengendalikan program pendidikan jarak jauh ini, bilangan pelajarnya semakin bertambah dari dalam dan luar negara, maka MKM telah mengambil inisiatif menjalankan kerjasama strategik dengan METEOR dan OUM untuk melaksanakan program *e-Learning* bagi sektor koperasi.

Pembelajaran Secara e-Learning Berbanding Pembelajaran Tradisional

Pembelajaran secara *e-Learning* agak berbeza berbanding pembelajaran tradisional bersemuka dalam bilik kuliah. Bagaimanapun, matlamat pembelajaran adalah sama iaitu untuk memindahkan ilmu dan pengetahuan menggunakan media yang sesuai dengan mod pembelajaran sama ada bersemuka dalam bilik kuliah atau menggunakan media elektronik. Menurut Andrew et al. (2006) terdapat persamaan dan perbezaan pendekatan pembelajaran secara *e-Learning* dan pembelajaran tradisional dalam bilik kuliah. Persamaan antara kedua-dua mod pembelajaran ini antaranya ialah mencari masa untuk belajar. Pelajar kedua-dua mod menghadapi masalah mencari masa untuk belajar. Walau bagaimanapun impak pembelajaran secara *e-Learning* lebih besar disebabkan besarnya kebergantungan pelajar terhadap motivasi individu. Pelajar *e-Learning* dilihat mempunyai motivasi yang lebih tinggi. Keduanya ialah penggunaan masa yang dirancang dengan teliti membantu pelajar tetapi ia lebih penting lagi bagi pelajar *e-Learning* kerana mereka belajar secara kendiri iaitu belajar sendiri. Jika mereka bijak mengguna dan membahagi masa antara belajar dan keluarga, maka faktor ini merupakan faktor penentu kejayaan bagi mereka. Ketiganya, pulangan atas pelaburan (ROI) pembelajaran *e-Learning*. Kajian terhadap 200 orang pegawai eksekutif kanan oleh Young (2002) menunjukkan 51 peratus kecekapan pegawai telah meningkat. Sementara 46 peratus menunjukkan impak yang positif dalam kualiti proses bisnes dan 20 peratus menunjukkan penambahbaikan pengekalan kakitangan dengan 53 peratus menunjukkan penolakan dalam kos latihan.

Menurut Andrew lagi, perbezaan pendekatan pembelajaran *e-Learning* berbanding pembelajaran tradisional ialah penolakan untuk belajar secara *e-Learning* tersebar luas dan sukar untuk diatasi disebabkan oleh persepsi sukar menjadi kesan negatif yang besar. Kualiti kandungan dan teknologi yang mesra pengguna

begitu penting dalam pembelajaran *e-Learning*. Pelajar yang rasa takut terhadap penggunaan teknologi dalam kajian ini menunjukkan ia adalah masalah kecil di peringkat permulaan sahaja yang boleh diatasi dengan mudah apabila mereka mula menunjukkan minat dan seronok dengan ilmu pengetahuan yang diperoleh. Pembelajaran secara *e-Learning* memerlukan perubahan budaya bagaimana latihan dan pembelajaran itu berlaku. Organisasi yang berjaya dalam pembelajaran ini adalah dalam kalangan mereka yang menghargai tahap perubahan yang dilakukan oleh kakitangan mereka. Kesediaan untuk organisasi atau individu itu berubah adalah faktor utama untuk melaksanakan pendidikan secara *e-Learning*. Oleh itu, koperasi perlu berubah dengan menjadikan agenda latihan dalam mesyuarat Lembaga sebagai agenda penting bagi mengatur program latihan kepada anggota dan warga kerja. Apabila anggota memahami koperasi mereka maka mereka akan menyokong apa juu aktiviti koperasi kerana koperasi mereka adalah milik mereka.

Pelaksanaan Pembelajaran Jarak Jauh Secara Online di MKM

MKM telah mengorak langkah untuk menjalankan program *e-Learning* sebagai satu usaha bagi mempelbagaikan mod pembelajaran sedia ada bagi membantu warga koperasi yang sukar datang ke kampus MKM untuk mendapatkan ilmu dan pengetahuan. Kaedah pembelajaran ini membolehkan warga kerja koperasi meningkatkan pengetahuan mereka dengan menghadiri kursus tanpa perlu meninggalkan pekerjaan. Sehubungan itu, MKM menyediakan prasarana pengajaran dan pembelajaran *e-Learning* dengan melatih kakitangannya untuk menyediakan e-kandungan dan teknik pembelajaran e-PJJ supaya pelajar-pelajar yang mengikuti program ini dapat belajar dengan kandungan pembelajaran yang standard dan kaedah pembelajaran yang selesa malah menyeronokkan. MKM juga turut meningkatkan prasarana ICT bagi menampung bilangan pelajar e-PJJ yang akan bertambah dari satu pengambilan ke satu pengambilan baru setiap tahun.

Pada September 2012, MKM memperkenalkan program Sijil Pengurusan Koperasi yang mengambil masa dua tahun dengan sistem tiga semester setahun. Pada setiap semester pelajar dibenarkan mengambil sekurang-kurangnya tiga subjek. MKM memilih kaedah e-pembelajaran berbentuk "*blended learning*" iaitu pelbagai kaedah dan media digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti seminar, perbincangan dalam kelas maya, penggunaan SMS dan e-mel untuk menghantar mesej pembelajaran dan sebagainya. Berikut adalah media pembelajaran secara *e-Learning* yang diperkenalkan oleh MKM dengan melibatkan *blended learning* berikut:

- Buku modul pembelajaran**

Setiap peserta yang mendaftar dibekalkan dengan buku modul pembelajaran yang merupakan kandungan setiap subjek yang diambil pada semester berkenaan. Pelajar dipandu belajar menggunakan modul tersebut yang dibahagikan kepada 14 minggu pembelajaran. Pelajar perlu belajar dengan menggunakan kaedah SQ3R yang berkesan bagi pembelajaran orang dewasa. Pelajar dikehendaki membaca modul berkenaan bagi topik yang dikenal pasti pada setiap minggu terlebih dahulu sebelum hadir dalam perbincangan secara maya menggunakan *Learning Management System* (LMS) yang disediakan oleh MKM.



Buku modul pembelajaran

- SCORM di LMS MKM**

Modul pembelajaran bagi setiap subjek juga boleh dicapai melalui Internet di www.lms.mkm.edu.my. Ini bermakna, selain buku modul pembelajaran, pelajar boleh membaca modul tersebut melalui SCORM yang disediakan. Laman LMS MKM ini bukan sahaja boleh dicapai melalui PC atau *notebook* dengan talian Internet tetapi juga boleh dicapai melalui *ipad* dan juga telefon pintar. Kemudahan ini dapat membantu pelajar untuk belajar di mana-mana sahaja pada bila-bila masa malah dengan sesiapa sahaja.

Sejarah, Nilai-nilai, Prinsip-prinsip dan Falsafah Koperasi
Anda mendaftar masuk sebagai Hafiz Ramli Kasim [Dafar keluar]

MKM E-LEARNING > KOP111_2011 > Scorm > Bab 1
Klikur dengan aktif | Perbaharu Scorm ini

Seluruh | Teruskan

Topik 1 – Pengenalan Koperasi

1.0 Pengenalan

Koperasi adalah sebuah entiti perniagaan yang diciptakan idea perubahan oleh seseorang individu atau kumpulan manusia dengan matlamat untuk meningkatkan ekonomi dan membantu dalam hal-hal kebajikan.

Idea perubahan koperasi berdasarkan penyediaan perkhidmatan dan produk untuk memenuhi keperluan kumpulan manusia yang menganggotai koperasi tersebut.

Secara umum, koperasi ialah entiti perniagaan yang dikawal secara

SCORM

- Perbincangan secara maya dalam ruangan bualan**

Penyertaan pelajar dalam perbincangan secara maya amatlah dituntut untuk bertanyakan soalan atau memberi pandangan. Pembelajaran selama tiga jam seminggu ini adalah bagi menggantikan pembelajaran dalam bilik kuliah bagi mod pembelajaran secara tradisional. Apa yang menariknya, pelajar tidak malu untuk bertanya berbanding dengan pertemuan dalam bilik kuliah. Pelajar yang berpengalaman akan berkongsi pengalaman mereka dengan pelajar yang baru belajar. Walaupun pembelajaran cara ini terhad iaitu pelajar perlu menaipkan soalan yang hendak ditanya dan menaipkan pengalaman yang ingin dikongsi, tetapi semua soalan dan jawapan tersebut didokumenkan. Malah pelajar boleh melawati laman ini pada bila-bila masa untuk membuat ulang kaji.

22:39 Yusbarila Binti Md Yusry yang tahu nk amik eluan.
 22:41 Yusbarila Binti Md Yusry semua anggota perlu saling menghormati antara satu sama lain tak kira bangsa atau keturunan perlu bersatu hati membuat keputusan
 22:42 Suzita Binti Tusiina perpaduan sama erti mcm 1 malaysia ke tn.hj. semua bangsa ada dan pupuk nilai perpaduan henehe
 22:42 Hj Ramliam. Masalah silap tu sjenama. Sebab dia tak tau apa itu koperasi dan apa tanggungjawab dia sebagai anggota yang perlu memainkan peranan sebagai pemilik, pengguna dan pengawal
 22:42 Mohd Saleh Bin Mat Zin bersatu teguh, bercerai robuh
 22:43 Yusbarila Binti Md Yusry setuju.
 22:44 Hj Ramliam. Dengan berkoperasi kita bersatu padu memajukan koperasi tanpa mengambilkira ras etnik dan bangsa
 22:44 Yusbarila Binti Md Yusry: yesss agreed
 22:44 Norhana Binti Abdul Talib: memang betul tu hj
 22:45 Mohd Saleh Bin Mat Zin: menjadi masalah kalau dlm koperasi ada team2 yg sentiasa berbalah dan bersaing sesama sendiri utk mendapat pengaruh...
 22:45 Norhana Binti Abdul Talib: sih2
 22:46 Yusbarila Binti Md Yusry: en salih bisala lah. dm koperasi nti ada 2-3 kump yg akan sokong orang depa
 22:46 Yusbarila Binti Md Yusry: untuk merdui dan kena ada penyokong...
 22:46 Azrin Binti Jinuman: setuju gak.
 22:46 Hj Ramliam. Ok dah faham semua tentang nilai asas koperasi dimana semua anggota perlu memahami nilai ini agar mereka akan dapat memainkan peranan kearah merentak halalutu koperasi samada nak bertanggungjawab ke atas diri masing-masing diri sendiri, membantu diri sendiri, mengamalkan demokrasi, samarata, adil dan perpaduan.

Perbincangan secara maya dalam ruangan bualan

- Perbincangan secara maya dalam ruangan forum

Pensyarah bagi mata pelajaran yang terlibat akan poskan soalan-soalan penting setiap topik untuk menguji kefahaman pelajar. Pelajar perlu aktif menjawab soalan yang diposkan bagi menguji kefahaman masing-masing. Kaedah ini menggalakkan pelajar aktif melibatkan diri untuk berbincang sesama pelajar bagi menjana idea dan menyediakan jawapan yang paling tepat.

Sejarah, Nilai-nilai, Prinsip-prinsip dan Falsafah Koperasi

MKM E-LEARNING > KOP111_2011 > Forum > Forum minggu 1 : bab 1 pengenalan koperasi > Nilai asas koperasi

Paper boleh dengan format tersendiri | Pindah ke...

Nilai asas koperasi dan H Peranan Koperasi - Rabu, 7 November 2012, 03:38

Nyatakan 1 nilai asas koperasi dan terangkan dengan menggunakan muka surat 4

Ubah | Hapus | Balas

Re: Nilai asas koperasi

der azme (48) akademik SPK2012 - Jumat, 8 November 2012, 13:44

Saya suka nilai asas koperasi iaitu demokrasi. Sebagai pemilik, anggota bukan saja mempunyai tanggungjawab untuk mewujudkan modal dan menyediakan aktiviti koperasi tetapi juga mengawal koperasi dengan kerjasama demokrasi iaitu sistem pemilihan di mana setiap anggota mempunyai satu undi dan akhirnya menentuakan keputusan yang dibuat. Inilah yang jelas difahamkan dalam peranan anggotanya sebagai pemilik, pengguna dan pengawal.

Turunkan indra | Ubah | Putuskan | Hapus | Balas

Re: Nilai asas koperasi

suzita binti tusiin (SPK2012) - Jumat, 8 November 2012, 16:05

Hia! Jalin koperasi adalah kegiatan bersama yang ada pada setiap anggota bagi mewujudkan makanan koperasi dengan mengemban kepentingan bersama. Contohnya bagi meningkatkan kelebihan anggota dan kekurangan anggota, koperasi boleh mewujudkan tabung kelebihan yang mana dana asasnya disumbang oleh ahli koperasi perlu wujudkan dalam bagaimana kelebihan supaya anggota yang berbanyak akan mendapat sumongan sama rata.

Perbincangan secara maya dalam ruangan forum


- SMS

Penggunaan SMS juga dilihat boleh membantu pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Perkhidmatan SMS yang disediakan oleh *broadband* membolehkan pensyarah menghantar nota ringkas dan paling penting berkaitan topik yang dipelajari. Penggunaan SMS

juga dapat mengingatkan pelajar untuk membaca topik yang akan dibincangkan atau bersedia untuk mengikuti kuiz secara *online* di samping memaklumkan kepada pelajar berkaitan urusan pentadbiran.

- E-mel

Penggunaan e-mel juga dapat membantu pensyarah dan pelajar untuk menghantar dokumen yang lebih besar saiznya. Pelajar boleh menghantar tugasannya melalui e-mel. Oleh itu penggunaan e-mel dapat menjimatkan kos kertas dan kos penghantaran malahan masa penghantaran juga adalah cepat hanya dalam beberapa saat sahaja dokumen atau maklumat tersebut telah berada dalam peti surat penerima.



E-mel

- Kuiz Online

Pelajar akan diuji kefahaman mereka melalui soalan kuiz yang perlu dijawab secara *online* pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Soalan yang ditanyakan meliputi topik yang dipelajari bagi minggu-minggu yang ditentukan. Pelajar akan menjawab soalan objektif secara rawak dari bank soalan yang diwujudkan dan dalam masa yang sama pelajar akan dipaparkan dengan soalan yang berbeza. Pelajar juga boleh menulis pendapat atau pandangan mereka secara *online* yang dijalankan serentak pada ruangan yang disediakan.

Kuiz online

- Seminar**

Pelajar diwajibkan hadir bersemuka dalam bilik kuliah sebulan sekali untuk berseminar. Pertemuan secara bersemuka ini perlu bagi membolehkan pelajar mendapatkan penjelasan yang lebih mendalam sekiranya pertemuan secara maya gagal menyelesaikannya. Dalam seminar ini juga pelajar akan membentangkan tugas masing-masing yang dilakukan secara individu atau secara berkumpulan. Peserta bebas bertanya untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman masing-masing.

- Tugasan**

Lazimnya tugas yang diberikan oleh pensyarah adalah berkaitan dengan tugas pelajar di koperasi berdasarkan subjek yang dipelajari. Bagi mereka yang bekerja biasanya tidak menghadapi masalah untuk menyiapkan tugas kerana bahan-bahan atau input untuk tugas adalah di persekitaran pekerjaan mereka. Pelajar hanya perlu menyusunnya dalam bentuk dokumen mengikut format yang dikehendaki oleh pensyarah.

- Peperiksaan**

Peperiksaan akan diadakan pada minggu kedua bulan terakhir semester berkenaan di mana pelajar perlu hadir ke pusat tutorial khususnya di

kampus MKM yang berdekatan untuk menduduki peperiksaan.

Cabaran Pembelajaran e-Learning

Pembelajaran menggunakan mod *e-Learning* mungkin sesuatu perkara yang baru bagi sesetengah pihak. Perkara ini berlaku disebabkan kurangnya pendedahan atau disebabkan tidak celik IT atau takut kepada perkara baru. Sehubungan itu, pertimbangan perlu dibuat bagaimana untuk menggalakkan warga koperasi untuk belajar khususnya dengan mod pembelajaran *e-Learning*. Pendekatan *blended learning* telah diperkenalkan dalam sistem pembelajaran *e-Learning* iaitu menurut Andrew (2006), bahagian pembelajaran dilaksanakan secara *online* manakala selebihnya diajar semasa perjumpaan bersemuka dalam seminar atau bilik kuliah.

Cabaran utama pembelajaran mod *e-Learning* ialah bagaimana untuk menggalakkan kakitangan atau koperator untuk mendaftar program ini. Tidak ramai yang berminat untuk mendaftar kerana dimomokkan dengan perasaan takut dan susah. Hanya mereka yang sentiasa inginkan perubahan dan suka mencuba sesuatu yang baru mampu mencabar diri mengikuti program ini.

Menurut Azman (2012), pembelajaran dewasa melibatkan faktor masa, keluarga dan kewangan yang menjadi isu utama. Pelajar perlu pandai untuk membahagikan masa untuk diri sendiri, keluarga dan masyarakat kerana masa yang diuruskan agak terhad. Bagaimanapun, ibu bapa yang melanjutkan pelajaran akan dapat memberi teladan dan motivasi kepada anak-anak mereka untuk berjaya dalam bidang akademik.

Majoriti pelajar yang mendaftar dalam program *e-Learning* MKM mengatakan mereka mengikuti program ini adalah atas inisiatif dan kesedaran sendiri untuk meningkatkan ilmu pengetahuan bagi mengubah kehidupan serta kerjaya masa hadapan yang lebih baik lagi. Mereka juga berharapkan ilmu yang mereka peroleh akan

dapat membantu mereka melaksanakan tugas di koperasi dengan lebih baik lagi. Berdasarkan pengalaman penulis sendiri yang mengikuti program e-PJJ di IPTA tempatan, pelajar yang mengikuti pembelajaran secara *online* ini akan dapat berkongsi pengalaman masing-masing dalam perbincangan secara bersemuka dan secara *online*. Ilmu dan pengetahuan tersebut akan memudahkan pelajar memberikan contoh sebenar ketika menulis jawapan dalam peperiksaan berdasarkan pengalaman rakan-rakan. Pelajar juga dapat melihat kembali dokumen perbincangan mereka secara *online* untuk membuat ulang kaji. Sekiranya topik yang berkaitan agak susah, mereka boleh membaca semula perbincangan tersebut berulang-ulang kali. Kaedah ini tidak berlaku dalam pembelajaran bersemuka dalam bilik kuliah. Apa yang lebih menarik ialah pelajar akan cuba mengaplikasikan pengetahuan baru yang mereka peroleh dalam pekerjaan sehari-hari. Secara tidak langsung, idea baru, kreativiti dan produktiviti mereka akan meningkat.

Kesimpulan

MKM membuka peluang kepada warga koperasi untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dengan menyediakan pelbagai mod pembelajaran bagi mempersiapkan diri sebagai warga koperasi yang berkelayakan dan kompeten untuk mentadbir dan mengurus koperasi. Pembelajaran secara e-PJJ menuntut pelajar agar mendisiplinkan diri dengan belajar secara kendiri dan mengurus masa dengan baik. Semasa proses pembelajaran dilaksanakan, pelajar akan menjadi lebih produktif kerana dapat mengaplikasikan ilmu yang diperoleh ke dalam pekerjaan mereka di pejabat. Apabila semakin ramai warga koperasi memperoleh ilmu koperasi mereka akan dapat mengurus dan mentadbir koperasi dengan lebih baik lagi. Kajian menunjukkan mod *e-Learning* adalah pembelajaran masa hadapan selaras dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat.

Rujukan

- Anuwar Ali (November, 2012). *Teks Ucapan dalam Majlis Perasmian International Open College*. Bangi.
- Azman L.Kadir (Mei,2012).Pendidikan dewasa dalam nota kuliah. *Bengkel Pengajaran dan Pembelajaran*. Impiana Resort Cherating:Pahang.
- Dasar Koperasi Negara 2011-2020. (2010).(Laporan).Petaling Jaya: Suruhanjaya Koperasi Malaysia
- Ettinger,Andrew.,Holtan,Viki. & Blass,Eddie. (2006). E-learner experiences: Key questions to ask when considering implementing e-learning . *Industrial and Commercial Training*.38 (3), 143-147
- Williams,Pete., Nicholas,David.& Gunter,Barrie.(2005). E-learning: what the literature tells us about distance education: An overview. *Aslib Proceedings*, 57(2), 109-122